

Usaha utk selaraskan pertunjukan silat

Pencak silat

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) sedang berusaha menyelaraskan segala bentuk pertunjukan silat yang dianjurkan di Singapura atau di luar negeri.

ia akan menulis surat kepada Lembaga Penggalak Pelancung Singapura (STPB) dan Persatuan Rakyat (PA) untuk mewujudkan satu kerjasama sekiranya kedua pertubuhan itu memerlukan para pesilat untuk mengadakan persembahan.

Oleh MOHD. MAIDIN

"Langkah ini diambil untuk menyelaraskan semua pertunjukan silat dan memastikan mutu silat dikekalkan pada taraf yang tinggi," tegas Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff.

Perhatian

Dia menarik perhatian bahawa usaha tersebut juga akan membolehkan Persisi memberi perhatian dan bantuan di mana perlu bagi kedua badan itu dan juga para pesilat

yang terlibat. Langkah itu difahamkan diambil berikutan satu pertunjukan silat oleh sebuah badan kerabat Persisi yang diadakan di Sydney, Australia, baru-baru ini di mana beberapa pihak telah tersalah memberikan penerangan mengenai silat dan kegiatannya di Singapura.

Pertunjukan silat anjuran STPB itu telah dilaporkan di akhbar *Sunday Nation* dengan menyebut bahawa keris, salah satu senjata silat yang diguna-

kan dalam pertunjukan itu, merupakan daya penarik pertunjukan itu biarpun keris tidak dapat digunakan dalam pertunjukan kesenian itu di Singapura.

"Terdapat kesilapan dalam maklumat ini. Kami tidak mahu ia berulang. Semuanya akan berjalan dengan lebih baik dan tersusun sekiranya satu penyelarasan dapat dibuat dan sebagai badan pusat bidang persilatan, Persisi terpaksa memainkan peranan ini," tambahnya.

Memandangkan silat sebagai satu kegiatan budaya, persembahannya di mana-mana akan melambangkan sedikit sebanyak mengenai masyarakat Melayu di sini.

"Jika mutunya rendah, ia akan memberikan satu gambaran yang tersalah dan menjejaskan martabat silat keseluruhannya di

negara ini. "Oleh itu, dalam setiap persembahan silat, mutunya mesti dikekalkan pada taraf yang tinggi. Ini sangat penting," tambahnya lagi.

Memandangkan pendidikan, Persisi sedang berusaha mendapatkan kerjasama dari STPB dan PA untuk memastikan kedua pertubuhan itu menghubungi Persisi jika mereka memerlukan para pesilat untuk pertunjukan di Singapura atau di luar negeri.

Pada masa yang sama, Persisi berharap badan-badan kerabatnya akan menghubungi dan melaporkannya kepada Persisi jika mereka menerima undangan mengadakan persembahan silat.

Pertubuhan yang mahu kan persembahan silat boleh berhubung dengan Persisi di Blok 10, 2371-F, Eunos Crescent atau telefon 7458669.

Seni bela diri a-bangsa dianjurkan utk amal

11 NOV 1980

PEMANGKU Menteri Halehwal Masyarakat, Dr Ahmad Mattar, akan merasmikan Pertunjukan Seni Bela Diri Antarabangsa, pada 6 Disember, di Panggung Negara.

Pertunjukan itu yang dianjurkan sebagai mengumpulkan Dana Bangunan Balai Rakyat Brickworks, akan menunjukkan berbagai seni bela diri dari beberapa buah negara.

11 NOV 1980

Wakil-wakil kumpulan yang akan mengambil bahagian dalam pertunjukan itu ialah Persekutuan Judo Singapura, Singapore Oyama Karate-Do Kyokushinkai-Kan, Silat Kuningan Serantau, Persekutuan Tae-kwondo Singapura, Shunlin Wushu Kwan, Pergerakan Tamil Singapura dan Himpunan Queenstown.

Tiket-tiket untuk pertunjukan itu yang berharga \$15, \$8, \$6, \$4 dan \$2, boleh dibeli di Balai Rakyat Brickworks, Mohd Ali Barber dan Alexandra Photo Studio di Kompleks Membeli-belah Queensway atau berhubung dengan Encik Salman Simin (telefon 4797823).

Kelas silat 'Grak 17'

PERKUMPULAN Silat Grak 17 akan memuktakan kelas latihan mereka tidak lama lagi. Latihan-latihan akan di pimpin oleh Encik Basri Alang.

Orangramai yang berminat untuk menyertai kelas latihan ini boleh mendapatkan keterangan lanjut dari Encik Amron mengenai tempat dan hari latihan menerusi telefon 2713317.

Sebab2 Pesilat tak gerak

PERSEKUTUAN Silat Antarabangsa (Pesilat) belum lagi dapat bergerak dengan baik sebagaimana yang diharapkan sejak penubuhannya lewat tahun lalu.

Menurut seorang pegawai Persekutuan Silat Singapura (Persisi) kelembapan kegiatan Pesilat adalah kerana beberapa faktor yang di luar kekuasaannya.

Menyelaraskan

Sejak ditubuhkan tahun lalu, hanya Singapura dan Indonesia saja yang telah membentuk persekutuan silat kebangsaannya untuk menyelaraskan kegiatan silat dalam negeri. Persisi merupakan penyelaras silat di Singapura sementara Ikatan Pencak Silat Indonesia menjadi induk pergerakan silat di sana.

Malaysia sejauh ini belum lagi membentuk badan induk silatnya di peringkat nasional.

Bakat pelukis jadi tumpuan pasaria Persisi

ACARANYA ialah pasaria yang dimuatkan dengan jualan berbagai jenis masakan dan kulh-muih bertujuan untuk memungut derma.

Tetapi, dalam suasana kesibukan di pasaria yang meriah itu, seorang pria sempat melukis gambar kanak-kanak seperti yang tertera di dalam gambar ini (kiri), setakat untuk menarik perhatian para pengunjung.

Pria itu ialah Encik Mohd. Din Mohamad, seorang pelakon yang juga terkenal sebagai pelukis dan anggota Persekutuan Silat Singapura (Persisi) yang menganjurkan pasaria itu.

Ia telah diadakan dari 9.00 pagi hingga 9.00 malam Ahad lalu di Dewan Kampong Ubi, dan pihak penganjur berharap mengumpulkan sekurang-kurangnya \$30,000 dari pasaria itu.

Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff, telah memberitahu, wang yang dikumpulkan itu akan digunakan untuk membiayai kegiatan-kegiatan Persisi dalam masa beberapa bulan ini.

Di antara kegiatan-kegiatan itu ialah pertandingan silat kebangsaan yang dijadualkan berlangsung bulan depan dan penyertaan Singapura dalam Pesta Silat Tiga Negara yang akan diadakan di Malaysia pada Februari tahun depan.